



REQUEST FOR PROPOSAL (RFP)
Permintaan Untuk Cadangan

UNTUK

KAJIAN IMPAK DANA NEWTON UNGKU OMAR

TARIKH BUKA RFP : 1 SEPTEMBER 2021 (RABU)

TARIKH AKHIR RFP : 15 SEPTEMBER 2021 (RABU)

KANDUNGAN

KANDUNGAN	2
SEKSYEN A – ARAHAN KEPADA PETENDER.....	3
1.0 KENYATAAN TAWARAN	3
2.0 PENJELASAN DOKUMEN SEBUTHARGA.....	3
3.0 PINDAAN DOKUMEN SEBUTHARGA	4
SEKSYEN B – FORMAT TAWARAN SEBUTHARGA	4
4.0 PENYERAHAN CADANGAN SEBUTHARGA	4
5.0 PINDAAN DOKUMEN SEBUTHARGA	5
SEKSYEN C – SYARAT-SYARAT SEBUTHARGA	5
6.0 PEMBIAYAAN SEBUTHARGA	5
7.0 LARANGAN PUBLISITI	5
8.0 HARGA	5
9.0 JANGKA MASA SAH LAKU SEBUTHARGA	5
10.0 PERIHAL BERKENAAN CUKAI JUALAN DAN CUKAI PERKHIDMATAN KE ATAS PEROLEHAN PIHAK MIGHT	6
11.0 PERINGATAN MENGENAI KESALAHAN RASUAH.....	6
12.0 TANGGUNGJAWAB.....	7
13.0 SULIT	7
14.0 PEMBETULAN KESALAHAN.....	7
15.0 HAK PIHAK MIGHT MENERIMA ATAU MENOLAK CADANGAN SEBUTHARGA	7
16.0 PERTIKAIAN.....	8
17.0 PESANAN PEMBELIAN (PURCHASE ORDER)	8
18.0 PRESTASI PERKHIDMATAN	8
19.0 DENDA LEWAT PEMBEKALAN DAN PERKHIDMATAN	8
20.0 DENDA BAGI PEMBEKALAN DAN PERKHIDMATAN YANG TIDAK MEMUASKAN ATAU TIDAK DILAKSANAKAN MENGIKUT JADUAL	9
21.0 PENAMATAN PERJANJIAN	9
SEKSYEN D – PERINCIAN KERJA.....	9
22.0 SKOP KERJA SEBUTHARGA.....	9
23.0 PENUTUP	10

SEKSYEN A – ARAHAN KEPADA PETENDER

1.0 KENYATAAN TAWARAN

1.1 Petender mestilah syarikat yang dikorporatkan di Malaysia di bawah Akta Syarikat 1965, dan hendaklah syarikat milik penuh tempatan dan masih aktif.

1.2 Dalam aktiviti / tujuan penubuhan syarikat, hendaklah mempunyai kaitan berkenaan bidang seperti dibawah:

Khidmat nasihat, Penerbitan kertas kajian, Khidmat perunding.

1.3 Petender hendaklah mempunyai sumber tenaga dan kemahiran / kepakaran serta pengalaman dalam perkara-perkara berikut untuk pelaksanaan skop kerja sebutharga ini:

KAJIAN IMPAK DANA NEWTON UNGKU OMAR

1.4 Petender bertanggungjawab mengemukakan maklumat yang dikehendaki dengan tepat dan lengkap dan berdaftar didalam sistem Pendaftaran Vendor pihak MiGHT.

1.5 Petender yang gagal mematuhi syarat-syarat sebutharga dan tidak mengemukakan maklumat yang diperlukan boleh menyebabkan tawarannya tidak dipertimbangkan.

1.6 Petender **HENDAKLAH** membaca dan memahami keseluruhan butir-butir yang terkandung di dalam dokumen sebutharga. Petender yang gagal mematuhi syarat-syarat sebutharga dan tidak mengemukakan maklumat yang diperlukan dengan tepat dan lengkap boleh menyebabkan tawaran **DITOLAK**.

2.0 PENJELASAN DOKUMEN SEBUTHARGA

Sekiranya perlu, satu taklimat sebutharga akan dianjurkan dan Pihak Pencadang sebutharga yang memerlukan sebarang penjelasan lanjut mengenai dokumen sebutharga bolehlah berhubung **secara bertulis melalui surat rasmi** atau **melalui e-mel** kepada alamat berikut:

Urusetia Kerja: Sebutharga Kajian Impak Dana Newton Ungku Omar

Malaysian Industry-Government Group for High Technology

MiGHT Partnership Hub, Jalan Impact

63000 Cyberjaya, Selangor

E-mel : noran@might.org.my

Telefon: (6012) 657 1148

3.0 PINDAAN DOKUMEN SEBUTHARGA

Pihak MIGHT berhak pada bila-bila masa sebelum tarikh tutup penghantaran sebutharga meminda dokumen sebutharga dengan menyediakan *addendum* di atas atau meminta maklumat tambahan atas sebab-sebab tertentu dalam mendapatkan maklumat lengkap untuk pemilihan sebutharga ini.

SEKSYEN B – FORMAT TAWARAN SEBUTHARGA

4.0 PENYERAHAN CADANGAN SEBUTHARGA

4.1 Petender **DIKEHENDAKI** menyediakan **sebutharga diatas** melalui emel kepada (Bahagian/Unit) pada atau sebelum **jam 5.30 petang , 15 September 2021** di alamat seperti berikut:

**Malaysian Industry-Government Group for High Technology MIGHT
Partnership Hub, Jalan Impact
63000 Cyberjaya, Selangor
(UP: Noran Wahida Jamaludin)
Email: noran@might.org.my**

4.2 Tawaran hendaklah diserahkan di alamat pada atau sebelum tarikh dan masa sebutharga ditutup. Dokumen sebutharga yang lewat tidak akan dipertimbangkan.

4.3 Pihak MIGHT tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kelewatan, kehilangan atau lain-lain kejadian ke atas dokumen tawaran sebutharga akibat kecuaiian dalam penyerahan tawaran sebutharga secara manual sama ada melalui pos atau sebagainya.

JILID 1- MAKLUMAT KORPORAT

4.4 LAMPIRAN B-1: Keterangan Mengenai Petender

Petender dikehendaki mengemukakan maklumat kedudukan modal syarikat, pemilik saham dan lain-lain maklumat seperti format yang diperlukan untuk Pendaftaran Vendor MIGHT. Ini termasuk:

- i) Salinan **SIJIL AKUAN PENDAFTARAN SYARIKAT** dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (mandatori);
- ii) Salinan **INFORMASI KORPORAT** oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (mandatori);
- iii) Salinan **SIJIL AKUAN PENDAFTARAN SYARIKAT** oleh Kementerian Kewangan Malaysia (mandatori);
- iv) **Borang Pendaftaran Vendor MIGHT** yang telah sempurna diisikan (mandatori).

- 4.5 Petender boleh membuat salinan borang dan jadual yang berkaitan tetapi format, kandungan dan bentuk borang mestilah sama. Sebarang tambahan, pindaan dan pengurangan kepada kandungan borang **tanpa mendapat kebenaran** terlebih dahulu dari pihak MiGHT **boleh menyebabkan tawaran Petender ditolak**.

5.0 PINDAAN DOKUMEN SEBUTHARGA

Pihak MiGHT berhak pada bila-bila masa sebelum tarikh tutup penghantaran sebutharga meminda dokumen sebutharga dengan menyediakan *Addendum* kerana sebab-sebab tertentu atas inisiatif pihak MiGHT.

SEKSYEN C – SYARAT-SYARAT SEBUTHARGA

6.0 PEMBIAYAAN SEBUTHARGA

Petender akan membiayai segala kos yang terlibat dalam penyediaan dan penghantaran dokumen sebutharga. Pihak MiGHT tidak akan bertanggungjawab terhadap kos yang terlibat dalam proses penyediaan dokumen sebutharga termasuk apa-apa persembahan tawaran. **Semua tawaran akan menjadi hak milik pihak MiGHT**.

7.0 LARANGAN PUBLISITI

Sebarang iklan mengenai mana-mana bahagian dalam tawaran sebutharga ini tidak boleh disiarkan semula dalam akhbar, majalah atau sebarang bentuk media kecuali mendapat kebenaran bertulis daripada pihak MiGHT.

8.0 HARGA

- 8.1 Harga bagi semua perkara dan bidang kerja yang disebutharga mestilah dalam **Ringgit Malaysia (RM)** sahaja dan hendaklah termasuk semua kos yang terlibat bagi tujuan sebutharga ini.
- 8.2 Sebarang tuntutan kenaikan harga bagi projek ini dalam jangka masa sah laku sebutharga tidak akan dilayan.

9.0 JANGKA MASA SAH LAKU SEBUTHARGA

- 9.1 SEBUTHARGA mestilah sah laku dalam jangka masa **sekurang-kurangnya 30 hari** daripada tarikh tutup sebutharga dan petender tidak boleh menarik balik sebutharga mereka dalam tempoh tersebut. Dalam keadaan berkecuali, sebelum habis tempoh jangka masa sah laku sebutharga asal, pihak MiGHT boleh meminta tempoh jangka masa sah laku sebutharga ditambahkan. Satu surat akan dikeluarkan kepada Petender untuk memohon persetujuan Petender dan jawapan akan dilakukan secara bertulis.

- 9.2 Petender yang bersetuju dengan permintaan ini tidak perlu mengubah tawaran sebutharga yang asal tetapi hanya perlu menambahkan tempoh jangka masa sah laku sebutharga.
- 9.3 Penolakan pelanjutan sah laku sebutharga akan mengakibatkan Petender digugurkan daripada penilaian

10.0 PERIHAL BERKENAAN CUKAI JUALAN DAN CUKAI PERKHIDMATAN KE ATAS PEROLEHAN PIHAK MIGHT

- 10.1 Petender perlu mengisytiharkan status pendaftaran Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan dan mengemukakan nombor pendaftaran kepada pihak MIGHT, jika ada.
- 10.2 Petender dikehendaki **mengemukakan tawaran harga berserta dengan elemen Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan yang dinyatakan berasingan dengan tawaran harga sebutharga**, bagi menyertai sebutharga ini kerana pihak MIGHT akan mengambil kira elemen tersebut sebagai tambahan kepada harga yang ditawarkan (sekiranya berkaitan) tertakluk pada pendaftaran syarikat dengan Jabatan Kastam Diraja Malaysia.

11.0 PERINGATAN MENGENAI KESALAHAN RASUAH

Pihak MIGHT sebagai Agensi Pelaksana bagi projek berkaitan yang menerima perolehan dari mana-mana pihak Petender yang berjaya, mematuhi Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694) dan mendokong segala amalan dan tindakan yang perlu diambil dalam pencegahan rasuah. Petender diingatkan berkenaan perkara tersebut seperti dibawah:

- i) Sebarang **perbuatan atau percubaan rasuah** untuk menawar atau memberi, meminta atau menerima apa-apa suapan secara rasuah kepada dan daripada mana-mana orang berkaitan perolehan ini merupakan **suatu kesalahan jenayah** di bawah **Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694)**;
- ii) Mana-mana Petender yang membuat tuntutan pembayaran berkaitan perolehan ini walaupun tiada kerja dibuat atau tiada barangan dibekal mengikut spesifikasi yang ditetapkan atau tiada perkhidmatan diberi dan mana-mana anggota perkhidmatan awam yang mengesahkan tuntutan berkenaan adalah melakukan kesalahan di bawah **Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694)**.

12.0 TANGGUNGJAWAB

Keprihatinan telah diambil untuk memastikan segala fakta dan maklumat yang terkandung dalam dokumen sebutharga ini adalah betul pada waktu sebutharga ini diterbitkan. Walau bagaimanapun pihak MIGHT tidak sesekali membuat apa-apa jaminan terhadap kejituan dan kelengkapan fakta dan maklumat yang terkandung dalam dokumen sebutharga ini. Pihak MIGHT tidak akan dipertanggungjawabkan terhadap apa-apa kesalahan atau kekurangan maklumat dan fakta.

13.0 SULIT

Untuk proses sebutharga ini, Petender akan memperoleh maklumat yang dianggap **sulit** oleh pihak MIGHT. Petender adalah dilarang sama sekali mendedahkan maklumat dalam tender ini kepada mana-mana pihak.

14.0 PEMBETULAN KESALAHAN

Jika terdapat apa-apa perbezaan pengiraan dalam dokumen sebutharga ia akan dibetulkan oleh pihak MIGHT dan dipersetujui bersama dengan pihak Petender.

15.0 HAK PIHAK MIGHT MENERIMA ATAU MENOLAK CADANGAN SEBUTHARGA

- 15.1 Petender dibenarkan untuk mengemukakan hanya **satu (1) tawaran** sahaja. Dalam tawaran yang dikemukakan, Petender **HANYA** dibenarkan mengemukakan **SATU (1) cadangan sahaja**. Pihak MIGHT berhak **membatalkan penyertaan mana-mana Petender yang mengemukakan Cadangan Pilihan di dalam tender ini**.
- 15.2 Petender wajib mematuhi semua Prosedur sebutharga pihak MIGHT termasuk yang dinyatakan dalam **KENYATAAN SEBUTHARGA**. Petender diingatkan bahawa sebutharga yang tidak menepati keperluan yang ditetapkan mempunyai potensi untuk tidak akan dipertimbangkan.
- 15.3 Pihak MIGHT berhak menerima atau menolak mana-mana tawaran sebutharga dan membatalkan proses sebutharga dan menolak semua SEBUTHARGA pada bila-bila masa sebelum kontrak diberikan tanpa melibatkan apa-apa tanggungan kepada Petender yang terlibat atau tanpa memerlukan pihak MIGHT untuk memaklumkan sebab-sebab demikian kepada Petender yang terlibat.
- 15.4 Pihak MIGHT adalah **BERHAK** mempersetujui sebutharga sama ada kesemuanya atau sebahagian daripadanya serta menambah atau mengurangkan spesifikasi teknikal.
- 15.5 Pihak MIGHT tidak terikat untuk menerima sebutharga yang terendah sekali atau mana-mana sebutharga. Keputusan pihak MIGHT adalah muktamad dan pihak MIGHT tidak perlu memberi sebab penolakan mana-mana sebutharga.

- 15.6 Dalam proses penilaian, pihak MiGHT berhak memanggil Petender dengan tujuan untuk mendapatkan penjelasan lanjut berkenaan dengan cadangan yang ditawarkan tanpa sebarang ikatan. Segala perbelanjaan untuk urusan berkenaan adalah di bawah tanggungan Petender.

16.0 PERTIKAIAN

Apa-apa pertikaian yang terbit antara pihak MiGHT dengan Petender mengenai pentafsiran, pengertian atau kuat kuasa persetujuan, atau hak dan tanggungan pihak-pihak di dalamnya atau apa-apa perkara yang terbit darinya atau yang berhubung dengannya hendaklah selainnya dipersetujui dengan bertulis antara pihak MiGHT dengan Petender, dirujuk kepada penimbangtaraan dua pihak, satu pihak dilantik oleh pihak MiGHT dan satu pihak oleh Petender. Setiap pihak yang dilantik itu hendaklah bebas daripada pihak-pihak yang membuat persetujuan ini.

17.0 PESANAN PEMBELIAN (*PURCHASE ORDER*)

- 17.1 Pihak MiGHT akan mengeluarkan Pesanan Pembelian (*Purchase Order*) kepada Petender yang berjaya apabila sebutharganya terpilih dalam jangka masa sah laku SEBUTHARGA atau jangka masa tambahan yang terlibat.
- 17.2 Apabila dipersetujui maka suatu kontrak hendaklah disifatkan sebagai telah dibuat antara pihak MiGHT dengan Petender mengikut syarat- syarat tertera di Pesanan Pembelian (PO) dan telah ditandatangani oleh pihak Petender.
- 17.3 Terma pembayaran dan perkhidmatan akan dinyatakan di dalam Pesanan Pembelian yang mesti dipatuhi oleh Petender dengan sebaiknya.

18.0 PRESTASI PERKHIDMATAN

- 18.1 Petender adalah bertanggungjawab atas segala prestasi perkhidmatan termasuk pengakuan bekalan dari pembekal utama (*principal*) atau pihak ketiga yang telah dimasukkan ke dalam sebutharganya.
- 18.2 Petender adalah bertanggungjawab untuk memastikan semua perkhidmatan adalah betul supaya prestasi perkhidmatan yang dibekalkan di tahap yang terbaik.

19.0 DENDA LEWAT PEMBEKALAN DAN PERKHIDMATAN

- 19.1 Petender yang berjaya **MESTILAH** menyempurnakan perkhidmatan dalam tempoh yang telah ditetapkan dalam dokumen perjanjian.
- 19.2 Sekiranya Petender gagal memberikan perkhidmatan yang diperlukan dalam masa yang ditetapkan, pihak MiGHT boleh mendapatkan perkhidmatan daripada punca lain dan segala perbelanjaan tambahan yang terpaksa ditanggung oleh pihak MiGHT akan dituntut terus daripada Petender.

19.3 Bagi kerja-kerja yang terpaksa ditangguh disebabkan oleh keadaan di luar kawalan Petender seperti rusuhan, kekacauan awam, mogok, kebakaran, banjir, bahaya laut atau yang seumpama dengannya, maka pihak MiGHT boleh membenarkan perlanjutan tempoh kerja-kerja tersebut dengan syarat Petender perlu mengemukakan notis sebab- sebab kerja tertangguh dan masa yang diperlukan.

20.0 DENDA BAGI PEMBEKALAN DAN PERKHIDMATAN YANG TIDAK MEMUASKAN ATAU TIDAK DILAKSANAKAN MENGIKUT JADUAL

Petender yang berjaya akan dikenakan denda atau ditamatkan perkhidmatannya sekiranya perkhidmatan tidak memuaskan yang berpunca daripada Petender sendiri berdasarkan perjanjian kontrak/Pesanan Pembelian.

21.0 PENAMATAN PERJANJIAN

21.1 Perjanjian termaktub apabila kedua-dua pihak menurunkan tandatangan dan akan berkuat kuasa sehingga tamat seperti mana masa yang dinyatakan dalam Pesanan Pembelian.

21.2 Pihak MiGHT mempunyai hak memberi notis bertulis untuk menamatkan perjanjian bila-bila masa sekiranya diperlukan. Dengan sebab penamatan perjanjian sebegini, Petender hanya akan dibayar jumlah pembayaran setakat perkhidmatan yang diterima dengan sempurna sahaja dan sekiranya Petender telah dibayar duit pendahuluan, pihak MiGHT berhak mendapatkan semula sebahagian wang yang telah dibayar dan pihak Petender perlu memulangkan semula setakat perkhidmatan yang belum terlaksana. Petender tidak berhak untuk menghalang pihak MiGHT untuk mengambil sebarang tindakan terhadap dalam perkara ini.

SEKSYEN D – PERINCIAN KERJA

22.0 SKOP KERJA SEBUTHARGA

Sila rujuk pada LAMPIRAN III

23.0 PENUTUP

Petender dinasihatkan membaca dengan teliti dokumen ini dalam menyediakan tawaran bagi memastikan maklumat yang perlu diisi adalah lengkap.

SURAT AKUAN PEMBIDA
(SEBUTHARGA KAJIAN IMPAK DANA NEWTON UNGKU OMAR)

Saya..... No. KP.....yang mewakili..... Nombor Pendaftaran Perniagaan..... dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam MALAYSIAN INDUSTRY-GOVERNMENT GROUP FOR HIGHTECHNOLOGY (MIGHT) atau mana-mana individu lain sebagai sogokan untuk dipilih dalam tender/sebutharga seperti di atas. Pihak kami juga akan membuat deklarasi yang berkaitan dengan Polisi Anti-Rasuah MIGHT sebagaimana tertakluk oleh pihak MIGHT. Bersama ini dilampirkan surat perwakilan kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

1.) Sekiranya saya, atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati cuba menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam MALAYSIAN INDUSTRY-GOVERNMENT GROUP FOR HIGH TECHNOLOGY (MIGHT) atau mana-mana individu lain sebagai sogokan untuk dipilih dalam tender/sebutharga seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil:

- i) Penarikan balik tawaran kontrak bagi tender/sebutharga di atas atau;
- ii) Penamatan kontrak bagi tender/sebutharga di atas; dan
- iii) Lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan Perolehan Kerajaan yang berkuatkuasa

2.) Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai sogokan untuk dipilih dalam tender/sebutharga di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau Balai Polis yang berhampiran.

Yang Benar,

.....

Nama:
No. KP:

Cop Syarikat:

BORANG MAKLUMAT PETENDER

1. NAMA SYARIKAT :
2. ALAMAT :
3. NO. TELEFON & FAKS :
4. E-MEL RASMI :
5. TARIKH DITUBUHKAN :
6. JENIS PERNIAGAAN :
7. SENARAI PENGARAH SYARIKAT:
8. PEMEGANG SAHAM
UTAMA:
 - i. (%)
 - ii. (%)
 - iii. (%)
9. NILAI JUALAN TAHUNAN TERKINI (ANNUAL SALES
TURNOVER): RM(tahun 20_)
10. OBJEKTIF UTAMA
PERNIAGAAN :
 - a.
 - b.
 - c.
11. PENDAFTARAN SYARIKAT DENGAN SSM
 - a. No. Pendaftaran :
 - b. Tarikh Ditubuhkan :
12. STATUS SYARIKAT :
 - a. 100% keupayaan Syarikat Tempatan
 - b. Perkongsian Antara Syarikat Tempatan/Luar Negeri
 - c. Syarikat Luar Negeri
 - d. Lain-lain (nyatakan)

13. STRUKTUR MODAL SYARIKAT :

- a. Dibenarkan : RM
- b. Berbayar : RM

14. BANK (Untuk tujuan pembayaran)

- a. Nama :
- b. No. Akaun Bank :
- c. Alamat :

15. BILANGAN KAKITANGAN

Kategori	Bumiputera	Bukan Bumiputera	Lain-lain
Pentadbiran/Pengurusan			
Teknikal / Profesional:			
Lain-lain (nyatakan):			

16. SENARAIKAN SEMUA PENGALAMAN BERKAITAN YANG PERNAH DILAKSANAKAN (KONTRAKTELAH TAMAT) UNTUK TEMPOH 3 TAHUN KEBELAKANGAN
 (sila sertakan salinan surat lantikan / sijil / gambar yang berkaitan)

BIL.	TAHUN	KETERANGAN	PELANGGAN (KEMENTERIAN / AGENSI / SYKT.)

Sila lampirkan kertas tambahan jika ruang tidak mencukupi

17. SENARAIKAN PERKHIDMATAN BERKAITAN YANG SEDANG DILAKSANAKAN
(KONTRAK MASIH BERKUATKUASA)

BIL.	TARIKH KONTRAK TAMAT	KETERANGAN	PELANGGAN (KEMENTERIAN / AGENSI / SYKT.)

Sila lampirkan kertas tambahan jika ruang tidak mencukupi

18. PERAKUAN :

Saya / Kami mengaku bahawa segala maklumat yang dikemukakan adalah benar

Tandatangan :

Nama:

Jawatan:

Cop Syarikat:

TECHNICAL SPECIFICATION
NEWTON UNGKU OMAR FUND IMPACT STUDY

1.0 BACKGROUND

The Newton Ungku Omar Fund (NUOF) was established as a partnership effort between Malaysia and the United Kingdom to promote science, technology and innovation (STI). NUOF is a part of the Newton Fund bilateral programme that promotes innovation partnerships in a bid to unlock new opportunities for both countries. Activities under the Newton Fund are categorised into 3 (three) broad pillars; people, translation and research.

2.0 OBJECTIVES

The Newton Ungku Omar Fund has running 28 main programmes since 2015, and it is important to see the overall performance of the programme. Thus, the main objectives of this study are:

- i. To assess the performance of the programme both in tangible and intangible forms.
- ii. To carry out data analysis and highlight the impact of the programme for the period of 5 (five) years.
- iii. To engage and highlight the performance of stakeholders and delivery partners involved in the programme.
- iv. To produce a detailed report which can be a source of reference for the Government, industry players, academia and other relevant stakeholders.

3.0 SCOPE OF WORK

The study aims to highlight the performance and impact of the overall programme. The scope of work has been identified to consist several stages as follows:

1- Project Design:

1.1 – Project Alignment:

- Project scope and objectives
- Role clarification
- Stakeholder identification
- Data sets identification
- Identification of potential challenges
- Timeline and deliverables by phase
- Project approach
- Final report and presentation output

1.2 – Understanding NUOF Process Flow / Value Chain

- Promotion
- Application and approval process
- Project phase
- End phase

- Key measures

2- Research and Engagement:

2.1 – Research and Survey Design:

- Participant Survey
- Partner Institution and/or Delivery Partner Survey

2.2 - Selected Stakeholder Interviews, Focus Group Discussions

- Participants
- Partner Organisation
- Delivery Partner

2.3 – Impact Assessment

3- Data Analysis

3.1 - Programme Report

- Impact achieved by the Programme
- Case study
- Success factors and lessons learned

3.2 - Overall Outcome Analysis:

- Participant
- Project
- Partner Organisation
- Lessons learned
- Impact to ecosystem / country

3.3 - Recommendations for future

- Role of partners
- Participant management
- Overall engagement and promotion

4- Final Report

4.0 STAKEHOLDER ENGAGEMENT

The Newton Ungku Omar Fund is managed by MiGHT, as a coordinating agency in Malaysia. Besides MiGHT, there are other delivery partners involved in delivering the programmes as well. The study includes the stakeholder engagement which the performance of the delivery partners shall be measured and detailed out. The following are the delivery partners for the programme:

Coordinating Agencies



Delivery Partners



5.0 PROJECT TIMELINE

The Newton Ungku Omar Fund Impact Study should be delivered in six (6) months time from the date of appointment.

SENARAI SEMAK

No.	DOKUMEN / MAKLUMAT	DISERTAKAN	
		YA	TIDAK
1	Profil Syarikat		
2	Salinan Sijil Pendaftaran Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)		
3	Laporan Tahunan yang telah diaudit bagi tiga (3) tahun yang terakhir iaitu 2020, 2019 dan 2018		
4	Sebut harga Kajian Impak Dana Ungku Omar		
5	Melengkapkan dan menandatangani Surat Akuan Pembida (Lampiran I)		
6	Melengkapkan dan menandatangani Borang Maklumat Petender (Lampiran II)		
7	Salinan dokumen pendaftaran Cukai Jualan & Perkhidmatan (sekiranya syarikat mengenakan SST)		
8	Lain-lain dokumen: Nyatakan _____		